

MERBAU KELABU
Grey-bellied Bulbul

FAMILI: Pycnonotidae
NAMA SAINTIFIK: *Pycnonotus cyaniventris*



CIRI-CIRI

Bagi burung dewasa, ia adalah bersaiz kecil dengan kepala dan bahagian bawah badan berwarna kelabu dan bahagian bawah ekornya pula berwarna kuning. Warna ekor adalah seragam di mana tanpa warna kuning dan kuning. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah 16.5 sm.

MAKANAN

Spesies ini memakan buah-buahan kecil dan juga serangga-serangga kecil.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, hutan tanah pamah dan di pinggir-pinggir hutan. ia boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,000 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang pelbagai yang jelas *pi-pi-pwi...*, *pi-pi-pwi-pwi...*, dan kadang kala *wit wit wit*. Ia juga mengeluarkan bunyi siulan *pi-pi-pi-pi-pi...*

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi burung ini adalah dari bulan Januari sehingga Jun pada sepanjang tahun. Sarang adalah berbentuk cawan dan dibina di atas pokok-pokok yang rendah. burung betina menghasilkan 2-3 biji telur pada setiap kali ianya bertelur. Anggaran saiz bagi telur adalah 20.3 x 15.5 mm.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.
IUCN, hampir terancam.